



MALAYSIA

LAPORAN SURVEI PENGGUNAAN DAN CAPAIAN ICT OLEH INDIVIDU DAN ISI RUMAH

***ICT USE AND ACCESS BY INDIVIDUALS AND HOUSEHOLDS
SURVEY REPORT***

2020

Pemakluman / Announcement:

Dimaklumkan bahawa susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Penduduk 2020) secara dalam talian (e-census) telah dibuka semula.

Please be informed that following the implementation of the Movement Control Order (MCO), Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-census) has reopened.

Dimaklumkan Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun.

Tema sambutan MyStats Day adalah
“Connecting the world with data we can trust”

*Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year.
MyStats Day theme is
“Connecting the world with data we can trust”*

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

Diterbit dan dicetak oleh/ *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics, Malaysia

Blok C6, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook/ Twitter/ Instagram	: StatsMalaysia
Emel/ Email	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum/ <i>general enquiries</i>) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data/ <i>data request & enquiries</i>)

Harga/ Price : RM20.00

Diterbitkan pada April 2021/ *Published on April 2021*

Hakcipta terpelihara/ All right reserved.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

"Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia".

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia.

Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

"Source: Department of Statistics, Malaysia".

ISSN 2289 - 7240



KATA PENGANTAR

Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2020 membentangkan statistik mengenai penggunaan dan capaian ICT oleh individu dan isi rumah. Statistik yang diterbitkan dalam laporan ini adalah berdasarkan konsep dan garis panduan daripada *Manual for Measuring ICT Access and Use by Households and Individuals 2014 Edition* yang diterbitkan oleh *International Telecommunication Union* (ITU).

Statistik daripada laporan ini digunakan oleh agensi kerajaan dan pihak swasta sebagai input dalam perancangan, pembentukan dan pemantauan rancangan pembangunan ICT negara. Statistik ini juga digunakan oleh ahli ekonomi, ahli akademik serta individu lain bagi tujuan penyelidikan dan penganalisisan.


Laporan ini mengandungi tiga bahagian utama. Ringkasan penemuan dibentangkan di bahagian pertama manakala bahagian kedua memuatkan jadual terperinci mengenai statistik penggunaan dan capaian ICT. Aspek teknikal seperti konsep, definisi dan metodologi diterangkan di bahagian ketiga bagi memudahkan pengguna memahami statistik dan terma yang diterbitkan.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama yang diberikan oleh responden dan juga semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan survei ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan laporan ini pada masa akan datang amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

April 2021



PREFACE

The ICT Use and Access by Individuals and Households 2020 Survey Report presents statistics on the use and access of ICT by individuals and households. Statistics published in this report are based on the concepts and guidelines from the Manual for Measuring ICT Access and Use by Households and Individuals 2014 Edition published by the International Telecommunication Union (ITU).

Statistics from this report are primarily used by government and private agencies as an input in the planning, formulating and monitoring of national ICT development plans. These statistics can be used by economists, academicians and other individuals for research and analysis purposes.

This report consists of three main sections. Summary of findings is presented in the first section while second section contains detailed tables on the use and access of ICT statistics. Technical aspects such as concepts, definitions and methodologies are described in section three in order to facilitate users with better understanding pertaining to the published statistics.

The Department gratefully acknowledges the co-operation rendered by the respondents as well as all parties who have contributed either directly or indirectly in making this survey a success. Every feedback and suggestion towards improving the future reports is highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia

April 2021



ISI KANDUNGAN CONTENTS

	Muka Surat <i>Page</i>
Kata Pengantar <i>Preface</i>	i
Senarai Jadual <i>List of Tables</i>	vii
Ringkasan Penemuan <i>Summary of Findings</i>	1
Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Aktiviti Internet Terpilih di Kalangan Rakyat Malaysia <i>The Impact of COVID-19 Pandemic to Selected Internet Activities Among Malaysian</i>	27
Jadual Statistik <i>Statistical Tables</i>	
Capaian ICT oleh Ibu Rumah <i>ICT Access by Households</i>	45
Penggunaan ICT oleh Individu <i>ICT Use by Individuals</i>	51
Statistik Terpilih Malaysia <i>Selected Statistics of Malaysia</i>	83
Tanda Aras ICT Negara Terpilih <i>ICT Benchmarks of Selected Countries</i>	89
Siri Masa <i>Time Series</i>	95
Ralat Piawai Relatif <i>Relative Standard Error</i>	121
Nota Teknikal <i>Technical Notes</i>	125

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



SENARAI JADUAL

LIST OF TABLES

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



SENARAI JADUAL *LIST OF TABLES*

Muka Surat
Page

1

Capaian ICT oleh Isi Rumah *ICT Access by Households*

- | | | |
|-----|---|----|
| 1.1 | Peratusan capaian telefon bimbit oleh isi rumah mengikut negeri, jenis dan strata, Malaysia, 2020
<i>Percentage of households with access to mobile phone by state, type and strata, Malaysia, 2020</i> | 45 |
| 1.2 | Peratusan capaian internet oleh isi rumah mengikut negeri, jenis perkhidmatan dan strata, Malaysia, 2020
<i>Percentage of households with internet access by state, type of service and strata, Malaysia, 2020</i> | 46 |
| 1.3 | Peratusan capaian isi rumah terhadap perkhidmatan dan peralatan ICT mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2020
<i>Percentage of households with access to ICT services and equipment by state and strata, Malaysia, 2020</i> | 47 |

2

Penggunaan ICT oleh Individu *ICT Use by Individuals*

- | | | |
|-----|--|----|
| 2.1 | Peratusan penggunaan dan pemilikan telefon bimbit oleh individu mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2020
<i>Percentage of individuals using and owning mobile phone by state and strata, Malaysia, 2020</i> | 51 |
| 2.2 | Peratusan individu menggunakan komputer mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2020
<i>Percentage of individuals using computer by state and strata, Malaysia, 2020</i> | 52 |
| 2.3 | Peratusan individu menggunakan komputer mengikut negeri, jenis kemahiran ICT dan strata, Malaysia, 2020
<i>Percentage of individuals using computer by state, type of ICT skills and strata, Malaysia, 2020</i> | 53 |
| 2.4 | Peratusan belia menggunakan komputer mengikut negeri, jenis kemahiran ICT dan strata, Malaysia, 2020
<i>Percentage of youth using computer by state, type of ICT skills and strata, Malaysia, 2020</i> | 56 |
| 2.5 | Peratusan individu menggunakan komputer mengikut jenis kemahiran ICT dan jantina, Malaysia, 2020
<i>Percentage of youth using computer by type of ICT skills and sex, Malaysia, 2020</i> | 59 |



SENARAI JADUAL *LIST OF TABLES*

	Muka Surat <i>Page</i>
2.6 Peratusan individu menggunakan komputer mengikut jenis kemahiran ICT dan kumpulan umur, Malaysia, 2020 <i>Percentage of individuals using computer by type of ICT skills and age group, Malaysia, 2020</i>	60
2.7 Peratusan individu menggunakan internet mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2020 <i>Percentage of individuals using the internet by state and strata, Malaysia, 2020</i>	61
2.8 Peratusan individu menggunakan internet mengikut negeri, jenis peranti mudah alih yang digunakan dan strata, Malaysia, 2020 <i>Percentage of individuals using the internet by state, type of portable devices use and strata, Malaysia, 2020</i>	62
2.9 Peratusan individu menggunakan internet mengikut negeri dan jenis aktiviti, Malaysia, 2020 <i>Percentage of individuals using the internet by state and type of activity, Malaysia, 2020</i>	63
2.10 Peratusan individu menggunakan internet mengikut jantina dan jenis aktiviti, Malaysia, 2020 <i>Percentage of individuals using the internet by sex and type of activity, Malaysia, 2020</i>	69
2.11 Peratusan individu menggunakan internet mengikut kumpulan umur dan jenis aktiviti, Malaysia, 2020 <i>Percentage of individuals using the internet by age group and type of activity, Malaysia, 2020</i>	75

3

Statistik Terpilih Malaysia *Selected Statistics of Malaysia*

3.1 Kadar penembusan perkhidmatan dan peralatan ICT bagi 100 penduduk, Malaysia, 2017 - ST3 2020 <i>ICT services and equipment penetration rate per 100 inhabitants, Malaysia, 2017 - Q3 2020</i>	83
3.2 Bilangan langganan jalur lebar dan kadar penembusan, Malaysia, 2017 - ST3 2020 <i>Number of broadband subscriptions and penetration rate, Malaysia, 2017 - Q3 2020</i>	84



SENARAI JADUAL *LIST OF TABLES*

	Muka Surat <i>Page</i>
3.3 Bilangan langganan selular mudah alih dan kadar penembusan, Malaysia, 2017 - ST3 2020 <i>Number of mobile-cellular subscriptions and penetration rate, Malaysia, 2017 - Q3 2020</i>	84
3.4 Bilangan langganan TV berbayar dan kadar penembusan, Malaysia, 2017 - ST3 2020 <i>Number of pay TV subscriptions and penetration rate, Malaysia, 2017 - Q3 2020</i>	85
3.5 Bilangan langganan telefon tetap dan kadar penembusan, Malaysia, 2017 - ST3 2020 <i>Number of fixed-telephone subscriptions and penetration rate, Malaysia, 2017 - Q3 2020</i>	85

4

Tanda Aras ICT Negara Terpilih *ICT Benchmarks of Selected Countries*

4.1 Peratusan capaian internet oleh isi rumah mengikut negara terpilih, 2017 - 2019 <i>Percentage of households with internet access by selected countries, 2017 - 2019</i>	89
4.2 Peratusan capaian komputer oleh isi rumah mengikut negara terpilih, 2017 - 2019 <i>Percentage of households with access to computer by selected countries, 2017 - 2019</i>	89
4.3 Peratusan individu menggunakan internet mengikut negara terpilih, 2017 - 2019 <i>Percentage of individuals using the internet by selected countries, 2017 - 2019</i>	90
4.4 Peratusan individu menggunakan komputer mengikut negara terpilih, 2017 - 2019 <i>Percentage of individuals using computer by selected countries, 2017 - 2019</i>	90
4.5 Peratusan individu menggunakan internet mengikut jantina dan negara terpilih, 2018 <i>Percentage of individuals using the internet by sex and selected countries, 2019</i>	91



SENARAI JADUAL *LIST OF TABLES*

	Muka Surat <i>Page</i>
4.6 Kedudukan indeks berkaitan ICT bagi negara terpilih, 2018 dan 2019 <i>Ranking of ICT-related indices for selected countries, 2018 and 2019</i>	91

5

Siri Masa *Time Series*

5.1 Peratusan capaian telefon bimbit oleh isi rumah mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2017 - 2020 <i>Percentage of households with access to mobile phone by state and strata, Malaysia, 2017 - 2020</i>	95
5.2 Peratusan capaian internet oleh isi rumah mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2017 - 2020 <i>Percentage of households with internet access by state and strata, Malaysia, 2017 - 2020</i>	96
5.3 Peratusan capaian komputer oleh isi rumah mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2017 - 2020 <i>Percentage of households with access to computer by state and strata, Malaysia, 2017 - 2020</i>	97
5.4 Peratusan capaian siaran TV berbayar oleh isi rumah mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2017 - 2020 <i>Percentage of households with access to pay TV channel by state and strata, Malaysia, 2017 - 2020</i>	98
5.5 Peratusan capaian televisyen oleh isi rumah mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2017 - 2020 <i>Percentage of households with access to television by state and strata, Malaysia, 2017 - 2020</i>	99
5.6 Peratusan capaian radio oleh isi rumah mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2017 - 2020 <i>Percentage of households with access to radio by state and strata, Malaysia, 2017 - 2020</i>	100
5.7 Peratusan capaian telefon talian tetap oleh isi rumah mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2017 - 2020 <i>Percentage of households with access to fixed-line telephone by state and strata, Malaysia, 2017 - 2020</i>	101
5.8 Peratusan individu menggunakan telefon bimbit mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2017 - 2020 <i>Percentage of individuals using mobile phone by state and strata, Malaysia, 2017 - 2020</i>	102



SENARAI JADUAL *LIST OF TABLES*

	Muka Surat <i>Page</i>
5.9 Peratusan individu memiliki telefon bimbit mengikut jantina, Malaysia, 2017 - 2020 <i>Percentage of individuals owning mobile phone by sex, Malaysia, 2017 - 2020</i>	103
5.10 Peratusan individu memiliki telefon bimbit mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2017 - 2020 <i>Percentage of individuals owning mobile phone by state and strata, Malaysia, 2017 - 2020</i>	104
5.11 Peratusan individu menggunakan komputer mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2017 - 2020 <i>Percentage of individuals using computer by state and strata, Malaysia, 2017 - 2020</i>	105
5.12 Peratusan individu menggunakan komputer mengikut negeri dan jenis kemahiran ICT, Malaysia, 2018 - 2020 <i>Percentage of individuals using computer by state and type of ICT skills, Malaysia, 2018 - 2020</i>	106
5.13 Peratusan belia menggunakan komputer mengikut negeri dan jenis kemahiran ICT, Malaysia, 2018 - 2020 <i>Percentage of youth using computer by state and type of ICT skills, Malaysia, 2018 - 2020</i>	108
5.14 Peratusan individu menggunakan internet mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2017 - 2020 <i>Percentage of individuals using the internet by state and strata, Malaysia, 2017 - 2020</i>	110
5.15 Peratusan individu menggunakan internet mengikut negeri dan jenis aktiviti, Malaysia, 2018 - 2020 <i>Percentage of individuals using the internet by state and type of activity, Malaysia, 2018 - 2020</i>	111

6

Ralat Piawai Relatif *Relative Standard Error*

6.1 Ralat piawai relatif bagi anggaran peratusan capaian perkhidmatan dan peralatan ICT oleh isi rumah mengikut strata, Malaysia, 2020 <i>Relative standard error of estimates for percentage of households with access to ICT services and equipment by strata, Malaysia, 2020</i>	121
6.2 Ralat piawai relatif bagi anggaran peratusan penggunaan perkhidmatan dan peralatan ICT oleh individu mengikut strata, Malaysia, 2020 <i>Relative standard error of estimates for percentage of individuals using ICT services and equipment by strata, Malaysia, 2020</i>	122

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



RINGKASAN PENEMUAN


SUMMARY OF FINDINGS

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



CAPAIAN ICT OLEH ISI RUMAH 2020


CAPAIAN PERKHIDMATAN DAN PERALATAN ICT



CAPAIAN TELEFON BIMBIT




CAPAIAN INTERNET



CAPAIAN INTERNET MENGIKUT STRATA




6 NEGERI DENGAN CAPAIAN INTERNET TERTINGGI





PENGGUNAAN ICT OLEH INDIVIDU 2020

PENGGUNAAN PERALATAN DAN PERKHIDMATAN ICT





PENGGUNAAN INTERNET MENGIKUT JANTINA



5 AKTIVITI POPULAR PENGGUNAAN INTERNET



5 KEMAHIRAN ICT TERTINGGI




2020
2019




ICT ACCESS BY HOUSEHOLD 2020


ACCESS TO ICT SERVICES AND EQUIPMENTS



ACCESS TO MOBILE PHONE




ACCESS TO INTERNET



INTERNET ACCESS BY STRATA




TOP 6 STATES WITH HIGHEST INTERNET ACCESS





ICT USE BY INDIVIDUALS 2020



USE OF ICT SERVICES AND EQUIPMENT






INTERNET USE BY SEX



5 POPULAR ACTIVITIES OF INTERNET USE



TOP 5 OF ICT SKILLS



2020
2019

1. PENGENALAN


Laporan ini membentangkan hasil penemuan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah (ICTHS) yang dilaksanakan pada 2020. Penemuan survei ini menyediakan statistik terkini mengenai capaian dan penggunaan perkhidmatan dan peralatan ICT oleh individu dan isi rumah. Garis panduan, konsep dan definisi yang digunakan dalam laporan ini adalah berdasarkan *Manual for Measuring ICT Access and Use by Households and Individuals 2014 Edition* yang diterbitkan oleh *International Telecommunication Union* (ITU). ICTHS 2020 dilaksanakan semasa pandemik COVID-19, yang mana teknologi digital digunakan secara meluas dalam aktiviti sehari-hari. Oleh itu, penemuan survei dapat memberi informasi mengenai peralihan dan penerimaan isi rumah dan individu terhadap penggunaan ICT yang membantu kerajaan dalam menyediakan negara ke arah masyarakat digital.

2. CAPAIAN PERKHIDMATAN DAN PERALATAN ICT OLEH ISI RUMAH

Sesebuah isi rumah dianggap mempunyai capaian kepada perkhidmatan dan peralatan ICT sekiranya ia masih boleh digunakan semasa temu ramah dijalankan. Berdasarkan penemuan survei, peratusan capaian isi rumah menunjukkan peningkatan terhadap capaian telefon bimbit (98.6%), televisyen (98.5%), radio (98.5%), internet (91.7%), siaran TV berbayar (78.9%) dan komputer (77.6%). Manakala peratusan capaian isi rumah terhadap telefon talian tetap menurun kepada 22.4 peratus.

“Capaian komputer dan siaran TV berbayar masing-masing meningkat 6.3 mata peratus dan 3.1 mata peratus berbanding 2019”

Paparan 1: Peratusan capaian perkhidmatan dan peralatan ICT oleh isi rumah, Malaysia, 2018 - 2020






2.1 CAPAIAN PERKHIDMATAN DAN PERALATAN ICT OLEH ISI RUMAH MENGIKUT STRATA

Isi rumah di bandar menunjukkan peningkatan dalam capaian bagi kesemua perkhidmatan dan peralatan ICT iaitu telefon bimbit (99.0%), televisyen (99.0%), radio (98.9%), internet (93.5%), komputer (82.8%) dan siaran TV berbayar (81.9%).

Begitu juga isi rumah di luar bandar yang turut menikmati peningkatan dalam capaian perkhidmatan dan peralatan ICT. Manakala capaian telefon talian tetap oleh isi rumah menunjukkan penurunan di kawasan bandar (25.5%) dan luar bandar (9.2%).

Paparan 2: Peratusan capaian perkhidmatan dan peralatan ICT oleh isi rumah mengikut strata, Malaysia, 2020



Nota: Angka di dalam kurungan merujuk tahun 2019



3. PENGGUNAAN PERKHIDMATAN DAN PERALATAN ICT OLEH INDIVIDU

3.1 Pemilikan dan Penggunaan Telefon Bimbit

Pemilikan telefon bimbit di Malaysia menunjukkan kenaikan daripada 95.7 peratus kepada 96.4 peratus. Di kawasan bandar, pemilikan telefon bimbit adalah 97.2 peratus, lebih tinggi berbanding di kawasan luar bandar (93.4%).

Dari segi penggunaan, individu yang menggunakan telefon bimbit mencapai 98.2 peratus. Penggunaan telefon bimbit di kawasan bandar adalah 98.5 peratus berbanding 97.2 peratus yang direkodkan bagi kawasan luar bandar.

Carta 1: Peratusan pemilikan dan penggunaan telefon bimbit oleh individu mengikut strata, Malaysia, 2018 - 2020






3.2 Penggunaan Komputer

Komputer merujuk kepada komputer peribadi, komputer riba atau tablet. Berdasarkan penemuan survei, penggunaan komputer menunjukkan peningkatan yang ketara daripada 72.1 peratus pada 2019 kepada 80.0 peratus (+7.9 mata peratus) pada 2020. Kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar masing-masing meningkat kepada 85.3 peratus (+8.0 mata peratus) dan 61.0 peratus (+7.0 mata peratus).

Paparan 3: Peratusan penggunaan komputer oleh individu mengikut strata, Malaysia, 2018 - 2020




3.3 Kemahiran ICT

Kemahiran komputer merupakan salah satu indikator dalam pemantauan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG): Matlamat 4 (Memastikan pendidikan berkualiti, menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua). Aktiviti berkaitan penggunaan komputer oleh individu digunakan untuk mengukur kemahiran ICT.


Lima aktiviti yang menunjukkan peratusan tertinggi pada 2020 adalah menggunakan teknik menyalin dan menampal untuk pendua atau memindahkan maklumat di dalam satu dokumen (87.7%). Ini diikuti oleh aktiviti menyalin atau memindahkan fail atau folder (86.4%), menghubungkan dan memasang peranti baru (72.0%), menghantar e-mel berserta fail (69.0%) dan memindahkan fail di antara komputer dan peranti mudah alih lain (68.3%).
[Carta 2]

Carta 2: Peratusan penggunaan komputer oleh individu mengikut kemahiran ICT, Malaysia, 2018 - 2020



1. Menyalin atau memindahkan fail atau folder	2. Menggunakan teknik menyalin dan menampal untuk mendua atau memindahkan di dalam satu dokumen			3. Menghantar e-mel berserta fail
4. Menggunakan teknik aritmetik asas di dalam lembaran kerja	5. Menghubungkan dan memasang peranti baru		6. Mencari, memuat turun, memasang dan mengkonfigurasi perisian	7. Membuat persebahan elektronik dengan menggunakan perisian komputer
8. Memindahkan fail di antara komputer dan peranti mudah alih lain		9. Menulis program komputer menggunakan bahasa pengaturcaraan yang khusus		

Kemahiran komputer bagi dua negara terpilih, 2019






3.4 Kemahiran ICT oleh Belia

Kemahiran ICT dikategorikan mengikut tiga tahap kemahiran komputer iaitu asas, pertengahan dan lanjutan. Belia merujuk kepada individu berumur 15 hingga 24 tahun.

Secara keseluruhan, prestasi kemahiran ICT belia berada di tahap asas dan pertengahan, manakala prestasi kemahiran lanjutan masih berada di tahap rendah. Berdasarkan penemuan survei, daripada keseluruhan belia yang menggunakan komputer, 94.7 peratus menjalankan aktiviti menggunakan teknik menyalin dan menampal untuk pendua atau memindahkan maklumat di dalam satu dokumen. Bagi tahap pertengahan, 75.4 peratus menjalankan aktiviti menghubungkan dan memasang peranti baru. Sementara itu, aktiviti kompleks iaitu menulis program komputer menggunakan bahasa pengaturcaraan yang khusus mencatatkan 17.6 peratus.

Carta 3: Peratusan penggunaan komputer oleh belia mengikut kemahiran ICT, Malaysia, 2018 - 2020



1. Menyalin atau memindahkan fail atau folder	2. Menggunakan teknik menyalin dan menampal untuk mendua atau memindahkan di dalam satu dokumen	3. Menghantar e-mel berserta fail
4. Menggunakan teknik aritmetik asas di dalam lembaran kerja	5. Menghubungkan dan memasang peranti baru	6. Mencari, memuat turun, memasang dan mengkonfigurasi perisian
8. Memindahkan fail di antara komputer dan peranti mudah alih lain		7. Membuat persembahan elektronik dengan menggunakan perisian komputer
9. Menulis program komputer menggunakan bahasa pengaturcaraan yang khusus		

Nota:

1. Kemahiran asas: 1,2,3,8; Kemahiran pertengahan: 4,5,6,7; dan Kemahiran lanjutan: 9


2. Individu boleh memilih lebih daripada satu kemahiran ICT

Sumber: *Measuring Digital Development: Facts and Figures 2019 by ITU*


3.5 Penggunaan Internet

Pada 2020, pengguna internet di Malaysia meningkat 5.4 mata peratus kepada 89.6 peratus berbanding tahun 2019 (84.2%). Pengguna internet di kawasan bandar meningkat kepada 92.4 peratus (2019: 87.6%). Manakala di luar bandar meningkat kepada 79.4 peratus berbanding 72.3 peratus pada tahun sebelumnya.

Paparan 5: Peratusan penggunaan internet oleh individu mengikut strata, Malaysia, 2018 - 2020



Berdasarkan kepada enam negara terpilih, Republik Korea mencatatkan pengguna internet tertinggi iaitu 96.2 peratus. Ini diikuti oleh Jepun (92.7%), Hong Kong (91.7%), dan Singapura (88.9%).






3.6 Penggunaan Internet Mengikut Jantina


Berbanding 2019, penggunaan internet dalam kalangan lelaki dan perempuan masing-masing terus meningkat kepada 91.3 peratus dan 87.7 peratus. Ini menunjukkan jurang pengguna internet mengikut jantina adalah 3.9 peratus pada 2020.

Carta 4: Peratusan penggunaan internet oleh individu mengikut jantina, Malaysia, 2018 - 2020



Berdasarkan enam negara terpilih, penggunaan internet di kalangan lelaki adalah lebih tinggi berbanding perempuan.

Penggunaan internet mengikut jantina bagi negara terpilih, 2019



Nota:


- Jurang digital mengikut jantina atau jurang pengguna internet mengikut jantina:
1. Jurang jantina mewakili perbezaan antara kadar penembusan pengguna internet bagi lelaki dan perempuan relatif kepada kadar penembusan pengguna internet bagi lelaki, dinyatakan sebagai peratusan
 2. Kadar penembusan merujuk kepada jumlah perempuan/lelaki yang menggunakan internet, sebagai peratusan dari jumlah populasi perempuan/lelaki masing-masing

Sumber: *Measuring Digital Development: Facts and Figures 2019* by ITU

3.7 Penggunaan Internet Mengikut Kumpulan Umur

Penggunaan internet berbeza mengikut peringkat umur. Individu dalam kumpulan umur 20 hingga 24 tahun merekodkan peratusan tertinggi sebanyak 98.1 peratus. Seiring dengan peningkatan umur, penggunaan internet semakin berkurangan, dengan kumpulan umur 60 tahun dan ke atas mencatatkan peratusan paling rendah iaitu 57.0 peratus pada 2020.

Paparan 6: Peratusan penggunaan Internet oleh individu mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2018 - 2020




2020
2019
2018



3.8 Aktiviti Penggunaan Internet

Aktiviti pengguna internet yang paling popular ialah menyertai dalam rangkaian social (98.0%). Ini diikuti oleh aktiviti memuat turun gambar, filem, video atau muzik; bermain atau memuat turun permainan (87.9%), mendapatkan maklumat tentang barang atau perkhidmatan (85.4%), membuat panggilan telefon melalui Internet/VoIP (81.2%) dan memuat turun perisian atau aplikasi (78.4%).

Paparan 7: Peratusan penggunaan internet oleh individu mengikut lima aktiviti internet tertinggi, Malaysia, 2018 - 2020



Nota: Individu boleh memilih lebih daripada satu aktiviti internet

1. INTRODUCTION


This report presents findings from the ICT Use and Access by Individuals and Households Survey (ICTHS) conducted in 2020. These findings provide the latest statistics on the access & use of ICT services and equipment by individuals & households. The guidelines, concepts and definitions used in this report are based on the Manual for Measuring ICT Access and Use by Households and Individuals 2014 Edition published by the International Telecommunication Union (ITU). ICTHS 2020 was carried out during the COVID-19 pandemic, where digital technology widely used in daily activities. Therefore, the findings can provide information on the transition and acceptance of households and individuals towards the use of ICT, which assist the government in preparing the country towards a digital society.

2. ACCESS TO ICT SERVICES AND EQUIPMENT BY HOUSEHOLDS

A household is considered to have access to ICT services and equipment if they are usable during the interview. Based on the survey findings, percentage of households access showed an increase in access to mobile phones (98.6%), television (98.5%), radio (98.5%), internet (91.7%), pay TV channel (78.9%), and computer (77.6%). Meanwhile the percentage of household access to fixed-line telephones decreased to 22.4 per cent.

"Access to computer and pay TV channel rose 6.3 percentage points and 3.1 percentage points respectively compared to 2019"

Exhibit 1: Percentage of households with access to ICT services and equipment, Malaysia, 2018 - 2020






2.1 ACCESS TO ICT SERVICES AND EQUIPMENT BY STRATA

Urban households showed an increase in access to all ICT services and equipment, namely mobile phone (99.0%), television (99.0%), radio (98.9%), internet (93.5%), computer (82.8%) and pay TV channel (81.9%).

Similarly, rural households are also enjoying an increase in access to ICT services and equipment. Meanwhile, access to fixed-line telephone by households showed a decrease in urban (25.5%) and rural (9.2%) areas.

Exhibit 2: Percentage of households with access to ICT services and equipment by strata, Malaysia, 2020



Note: Figures in bracket refers to year 2019


3. USE OF ICT SERVICES AND EQUIPMENT BY INDIVIDUALS

3.1 Mobile Phone Ownership and Usage

Mobile phone ownership in Malaysia showed an increase from 95.7 per cent in 2019 to 96.4 per cent in 2020. In urban area, mobile phone ownership was 97.2 per cent, higher than the rural area (93.4%).

In terms of usage, individuals who use mobile phone has reached 98.2 per cent. The usage of mobile phone in urban area were 98.5 per cent as compared to 97.2 per cent recorded for rural area.

Chart 1: Percentage of individuals owning and using mobile phone by strata, Malaysia, 2018 - 2020






3.2 Computer Usage

A computer refers to a personal computer, a laptop or a tablet. Based on survey findings, computer usage showed a significant increase from 72.1 per cent in 2019 to 80.0 per cent (+7.9 percentage points) in 2020. Both urban and rural area were increased to 85.3 per cent (+8.0 percentage points) and 61.0 per cent (+7.0 percentage points) respectively.

Exhibit 3: Percentage of individuals using computer by strata, Malaysia, 2018 - 2020




3.3 ICT Skills

Computer skills is one of the indicator in monitoring the Sustainable Development Goals (SDG): Goals 4 (Ensure inclusive and equitable education and promote lifelong learning opportunities for all). Activities in related to computer usage by individual used to measure the ICT skills.


The activity that showed highest percentage in 2020 was using copy and paste tools to duplicate or move information within a document (87.7%). This is followed by copying or moving a file or folder (86.4%), connecting and installing new devices (72.0%), sending an e-mail with attached files (69.0%) and transferring files between a computer and other mobile devices (68.3%).
[Chart 2]

Chart 2: Percentage of individuals using computer by ICT skills, Malaysia, 2018 - 2020



1. Copying or moving a file or folder	2. Using copy and paste tools to duplicate or move information within a document	3. Sending an e-mail with attached files
4. Using basic arithmetic formulas in a spreadsheet	5. Connecting and installing new devices	6. Searching, downloading, installing and configuring software
8. Transferring files between a computer	9. Writing a computer program using a specialised	7. Creating electronic presentations using computer software

ICT skills for two selected countries, 2019






3.4 ICT Skills by Youth

The ICT skills are classified according to three levels of computer skills namely basic, standard and advanced. Youth refers to individuals aged 15 to 24 years old.

Overall, the performance of youth ICT skills is at basic and standard levels, while the performance of advanced skills is still at a low level. Based on the computer usage survey findings, 94.7 per cent among the youth were to carry out activities of using copy and paste tools to duplicate or move information within a document. As for the standard level, 75.4 per cent run activities of connecting and installing new devices. Meanwhile complex activities such as writing a computer program using specialised programming language recorded 17.6 per cent.

Chart 3: Percentage of youth using computer by ICT skills, Malaysia, 2018 - 2020



1. Copying or moving a file or folder	2. Using copy and paste tools to duplicate or move information within a document	3. Sending an e-mail with attached files
4. Using basic arithmetic formulas in a spreadsheet	5. Connecting and installing new devices	6. Searching, downloading, installing and configuring software
7. Creating electronic presentations using computer software		8. Transferring files between a computer and other mobile devices
9. Writing a computer program using a specialised programming language		

Notes:

1. Basic skills: 1,2,3,8; Standard skills: 4,5,6,7; and Advanced skills: 9


2. Each individuals can choose more than one ICT skills

Source: Measuring Digital Development: Facts and Figures 2019 by ITU

3.5 Internet Usage


In 2020, internet user in Malaysia increased 5.4 percentage points to 89.6 per cent as compared to 2019 (84.2%). Internet user in urban increased to 92.4 per cent (2019: 87.6%) while in rural area increased to 79.4 per cent (2019: 72.3%).

Exhibit 5: Percentage of individuals using the internet by strata, 2018 - 2020



Based on six selected countries, Republic of Korea recorded the highest internet user, 96.2 per cent. This is followed by Japan (92.7%), Hong Kong (91.7%) and Singapore (88.9%).

Internet usage for selected countries, 2018 and 2019






3.6 Internet Usage by sex


As compared to 2019, the usage of internet among males and females has increased to 91.3 per cent and 87.7 per cent respectively. This showed the internet user gender gap for the year of 2020 was 3.9 per cent.

Chart 4: Percentage of individuals using the internet by sex, Malaysia, 2018 - 2020



Based on six selected countries, internet usage was higher among males compared to females.

Internet usage by sex for selected countries, 2019



Notes:

Digital gender gap or internet user gender gap:


1. The gender gap represents the difference between the Internet user penetration rates for males and females relative to the Internet user penetration rate for males, express as a percentage
2. Penetration rates refer to the number of female/male that use the Internet, as a percentage of the respective total female/male population

Source: Measuring Digital Development: Facts and Figures 2019 by ITU


3.7 Internet Usage by Age Group

The internet usage varies across age group. Individuals in the age group of 20 to 24 years old, recorded a highest percentage of 98.1 per cent. As the age increased, the usage of internet lessened, with the age group of 60 years old and above registering the lowest at 57.0 per cent in 2020.

Exhibit 6: Percentage of individuals using the internet by age group, Malaysia, 2018 - 2020




2020
2019
2018



3.8 Internet Usage Activities

The most popular internet user activities in 2020 was participating in social networks (90.0%). This is followed by downloading images, movies, videos, or music; playing or downloading games (87.9%), finding information about goods and services (85.4%), make a phone call over the internet/ VoIP (81.2%) and downloading software or applications (78.4%).

Exhibit 7: Percentage of individuals using the internet by top five internet activities, Malaysia, 2018 - 2020



Note: Each individuals can choose more than one internet activities



KESAN PANDEMIK COVID-19 TERHADAP AKTIVITI INTERNET TERPILIH DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA

*THE IMPACT OF COVID-19
PANDEMIC TO SELECTED
INTERNET ACTIVITIES
AMONG MALAYSIAN*


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



KESAN PANDEMIK COVID-19 TERHADAP AKTIVITI INTERNET TERPILIH DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA


Pandemik COVID-19 telah mengubah landskap sosioekonomi dunia secara keseluruhan sejak dikesan pertama kali pada akhir 2019. Pandemik COVID-19 juga telah mengubah corak penggunaan internet di kalangan masyarakat Malaysia terutama ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di seluruh negara. Sejak Mac 2020, terdapat kira-kira lapan fasa PKP telah dilaksanakan yang mendorong kepada penggunaan internet bagi kebanyakan aktiviti masyarakat di Malaysia.

Paparan 1: Lapan fasa PKP di Malaysia



Carta 1: Peratusan individu penggunaan internet, Malaysia 2015 - 2020

Penggunaan internet dapat digambarkan sebagai aktiviti yang dilakukan oleh individu yang menggunakan internet melalui pelbagai medium yang membolehkan mereka mengakses rangkaian dari mana-mana lokasi. Pada 2020, penggunaan internet di kalangan masyarakat Malaysia yang berumur 15 tahun dan ke atas meningkat dengan ketara kepada 89.6 peratus (2019: 84.2%).



Sumber: Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan isi Rumah

Aktiviti internet yang paling popular di Malaysia adalah menyertai rangkaian sosial. Walau bagaimanapun, penggunaan internet semasa pandemik COVID-19 meningkat dengan ketara bagi perkhidmatan yang berkaitan dengan aktiviti pembelajaran, e-Kesihatan, e-Kerajaan, e-Dagang dan hiburan (Jadual 1). Penulisan ini akan memberi tumpuan kepada corak aktiviti internet terpilih yang meningkat dengan ketara (melebihi 7.0 mata peratus) dari segi ciri-ciri kumpulan umur dan jantina pengguna internet. Aktiviti tersebut adalah membuat pesanan barang atau perkhidmatan atas talian; mendapatkan maklumat berkaitan kesihatan; menggunakan perbankan internet; menjalani kursus tidak formal atas talian; menjalani kursus formal atas talian; membeli barang atau perkhidmatan melalui e-Dagang; menonton televisyen secara atas talian; dan mendapatkan maklumat daripada organisasi kerajaan.

Jadual 1: Kategori Aktiviti Internet, Malaysia, 2019 - 2020

Aktiviti Internet	2019	2020
1. Mendapatkan maklumat		
Mendapatkan maklumat barang/ perkhidmatan	83.5	85.4
Membaca akhbar/ majalah online	66.2	69.0
2. Profesional		
Memohon pekerjaan	20.9	21.4
Menyertai rangkaian profesional	8.5	10.6
Bekerja dari rumah	11.0	16.1
3. Komunikasi		
Menyertai rangkaian sosial	97.2	98.0
Menghantar emel	76.3	76.3
Membuat panggilan telefon melalui internet	77.5	81.2
Memuat naik kandungan ke laman web	6.4	9.2
Mengurus laman web persendirian	3.5	5.4
Menguruskan blog	2.6	4.1
Mengakses perbincangan atas talian	23.1	22.4
4. Lain-lain perkhidmatan atas talian		
Melaksanakan tugas jana pendapatan	3.3	8.3
Menggunakan perkhidmatan berkaitan perjalanan/ penginapan	27.5	31.6
Menjual barang/ perkhidmatan	4.0	10.6
Menggunakan perbankan internet	50.5	61.9
Menggunakan perisian untuk menyunting teks	20.1	26.3
Memuat turun perisian/ aplikasi	77.0	78.4
Membuat pesanan barang/ perkhidmatan atas talian	22.5	54.4
5. Aktiviti Pembelajaran		
Menjalani kursus formal atas talian	8.1	18.0
Merujuk laman web untuk pembelajaran formal	39.9	40.3
Menjalani kursus tidak formal atas talian	9.5	20.8
6. Hiburan		
Mendengar radio seara atas talian	50.8	53.8
Menonton televisyen secara atas talian	47.9	55.5
Muat turun gambar/ filem/permainan	84.7	87.9
7. Ruang penyimpanan		
Menggunakan ruang simpanan di internet	52.5	53.5
8. e-Kesihatan		
Mendapatkan maklumat kesihatan	45.3	61.9
Membuat temujanji kesihatan	4.5	10.7
9. e-Kerajaan		
Mendapatkan maklumat daripada organisasi kerajaan	45.6	52.9
Berinteraksi dengan organisasi kerajaan	39.4	35.2
10. Sivik dan politik		
Memberi pendapat/ undi	17.3	23.5
11. e-Dagang		
Membeli barang/ perkhidmatan melalui e-Dagang	35.2	45.0
Menjual barang/ perkhidmatan melalui e-Dagang	2.0	5.9
12. Keselamatan dan perlindungan online		
Mempunyai peralatan keselamatan dalam talian	36.4	36.9

Sumber: Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan isi Rumah



Membuat Pesanan Barang atau Perkhidmatan Atas Talian

Pesanan barang atau perkhidmatan secara atas talian merujuk kepada pembelian yang dilakukan dalam talian melalui panggilan telefon, Facebook, WhatsApp dan lain-lain. Situasi norma baharu yang menghadkan bilangan orang ramai di sesbuah premis menyebabkan pengguna mula mengubah cara pembelian dan perbelanjaan mereka. Hasilnya, pembelian melalui atas talian telah meningkat daripada 22.5 peratus pada 2019 kepada 54.4 peratus pada 2020.

Analisis mengikut jantina menunjukkan peratusan perempuan (59.0%) lebih tinggi daripada lelaki (50.4%). Sementara itu, individu dalam kumpulan umur 25 hingga 29 tahun secara keseluruhan mencatatkan peratusan tertinggi bagi membuat pesanan barang atau perkhidmatan atas talian (67.2%).

Carta 2: Peratusan individu membuat pesanan barang atau perkhidmatan atas talian mengikut kumpulan umur dan jantina, Malaysia, 2019 - 2020




Mendapatkan Maklumat Berkaitan Kesihatan

Semasa pandemik COVID-19, penggunaan internet untuk mencari maklumat berkaitan kesihatan atau perkhidmatan telah meningkat sebanyak 12.0 mata peratus pada 2020, dengan 61.9 peratus individu berusia 15 tahun dan ke atas mencari maklumat berkaitan kesihatan atau perkhidmatan berbanding 45.3 peratus pada 2019.

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan peratusan tertinggi adalah kumpulan umur 40 hingga 44 tahun (68.8%). Sementara itu, peratusan perempuan (63.2%) lebih tinggi berbanding lelaki (60.8%) dalam mendapatkan maklumat kesihatan. (Carta 3)

Penemuan survei juga menunjukkan sebahagian individu berumur 60 tahun dan ke atas menggunakan internet untuk mendapatkan maklumat kesihatan. Peningkatan ini mungkin disumbangkan oleh penggunaan aplikasi MySejahtera yang dibangunkan oleh Kerajaan untuk memantau pandemik COVID-19 dalam negara. Aplikasi ini juga telah meningkatkan penggunaan saluran digital terutama kepada generasi lebih berusia.

Carta 3: Peratusan individu mendapatkan maklumat kesihatan mengikut kumpulan umur dan jantina, Malaysia, 2019 - 2020



Menggunakan Perbankan Internet

Perbankan internet membolehkan pengguna melakukan aktiviti perbankan di mana-mana lokasi dan tidak mengira masa melalui internet tanpa perlu berada di bank untuk melakukan transaksi perbankan. Peratusan pengguna internet yang menggunakan perbankan internet meningkat daripada 50.5 peratus pada 2019 kepada 61.9 peratus pada 2020.

Analisis mengikut jantina menunjukkan peratusan perempuan (62.9%) lebih tinggi daripada lelaki (61.0%). Sementara itu, individu dalam kumpulan umur 25 hingga 29 tahun mencatatkan peratusan tertinggi bagi menggunakan perbankan internet (75.3%).

Carta 4: Peratusan individu menggunakan perbankan internet mengikut kumpulan umur dan jantina, Malaysia, 2019 - 2020




Menjalani Kursus Tidak Formal Atas Talian

Pembelajaran dalam talian merupakan satu bentuk saluran pembelajaran yang dilaksanakan melalui internet. Individu yang menghadiri kursus tidak formal secara atas talian meningkat daripada 9.5 peratus pada 2019 kepada 20.8 peratus pada 2020.

Analisis mengikut jantina menunjukkan peratusan perempuan (23.5%) lebih tinggi daripada lelaki (18.5%). Sementara itu, individu dalam kumpulan umur 20 hingga 24 tahun mencatatkan peratusan tertinggi bagi menghadiri kursus tidak formal atas talian (31.9%). (Carta 5)

Carta 5: Peratusan individu menjalani kursus tidak formal atas talian mengikut kumpulan umur dan jantina, Malaysia, 2019 - 2020




Menjalani Kursus Formal Atas Talian

Penemuan survei melaporkan peningkatan yang ketara dalam aktiviti menghadiri kursus formal atas talian daripada 8.1 peratus pada 2019 kepada 18.0 peratus pada 2020.

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan peratusan tertinggi adalah kumpulan umur 15 hingga 19 tahun (33.4%). Sementara itu, peratusan perempuan (18.7%) mengikuti kursus formal atas talian lebih tinggi berbanding lelaki (17.4%).

Carta 6: Peratus individu menjalani kursus formal atas talian mengikut kumpulan umur dan jantina, Malaysia, 2019 - 2020




Membeli Barang atau Perkhidmatan Melalui e-Dagang

Pembelian barang atau perkhidmatan melalui e-Dagang merujuk kepada pembelian melalui platform dalam talian seperti Shoppe, Lazada dan Grab. Berdasarkan penemuan survei, pembelian melalui e-Dagang telah meningkat daripada 35.2 peratus pada 2019 kepada 45.0 peratus pada 2020.

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan peratusan tertinggi adalah kumpulan umur 35 hingga 39 tahun (54.9%). Sementara itu, peratusan perempuan (46.7%) adalah lebih tinggi berbanding lelaki (43.5%) dalam membeli barang atau perkhidmatan melalui e-Dagang. (Carta 7)

Carta 7: Peratusan individu membeli barang atau perkhidmatan secara atas talian mengikut kumpulan umur dan jantina , Malaysia, 2019 - 2020




Menonton Televisyen Secara Atas Talian

Pada masa kini, mendapatkan hiburan di web bukan lagi perkara baharu. Ini dapat ditunjukkan melalui peningkatan menonton televisyen atas talian daripada 47.9 peratus pada 2019 kepada 55.5 peratus pada 2020.

Analisis mengikut jantina menunjukkan peratusan perempuan (56.8%) lebih tinggi berbanding lelaki (54.3%). Sementara itu, individu yang berumur 20 hingga 24 tahun mencatatkan peratusan tertinggi bagi menonton televisyen atas talian (65.8%).

Carta 8: Peratusan individu menonton televisyen secara atas talian mengikut kumpulan umur dan jantina, Malaysia, 2019 - 2020




Mendapatkan Maklumat Daripada Organisasi Kerajaan

Kerajaan telah menyediakan saluran dalam talian untuk orang ramai mendapatkan maklumat. Saluran ini dikenali sebagai e-Kerajaan. Hasilnya, peratusan mendapatkan maklumat dari organisasi kerajaan telah meningkat daripada 45.5 peratus pada 2019 kepada 52.9 peratus pada 2020.

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan peratusan tertinggi adalah kumpulan umur 40 hingga 44 tahun (63.7%). Sementara itu, kedua-dua peratusan perempuan dan lelaki mencatatkan 52.9 peratus. (Carta 9)

Carta 9: Peratusan individu mendapatkan maklumat daripada organisasi kerajaan mengikut kumpulan umur dan jantina, Malaysia, 2019 - 2020




Secara keseluruhan berdasarkan analisis, penggunaan internet di kalangan masyarakat Malaysia menunjukkan peningkatan dalam aktiviti terpilih bagi tempoh 2019 - 2020. Peningkatan ini disumbang oleh ciri-ciri pengguna internet dan juga kesan pandemik COVID-19.

Sebab-sebab tiada capaian internet di rumah

Berdasarkan penemuan survei, capaian internet oleh isi rumah di Malaysia mencapai 91.7 peratus pada 2020 iaitu meningkat 1.6 mata peratus daripada 2019. Ini menunjukkan masih terdapat isi rumah yang tidak mempunyai capaian internet di tempat kediaman. Tiga sebab utama isi rumah tidak mempunyai capaian internet di tempat kediaman adalah tidak memerlukan internet (70.7%), kurang keyakinan, pengetahuan atau kemahiran untuk menggunakan internet (59.5%) dan kos peralatan yang tinggi (51.2%) seperti ditunjukkan dalam Carta 10.

Carta 10: Peratusan isi rumah tiada capaian internet di rumah, Malaysia, 2020



Nota: Isi rumah boleh memilih lebih daripada satu sebab tidak mempunyai capaian internet di tempat kediaman

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



THE IMPACT OF COVID-19 PANDEMIC TO SELECTED INTERNET ACTIVITIES AMONG MALAYSIAN

The COVID-19 pandemic has changed the world's socio economic landscape as a whole since it was first detected at the end of 2019. COVID-19 pandemic has also changed the internet usage pattern among Malaysian especially when the Movement Control Order (MCO) was implemented throughout the country. Since March 2020, there are about eight phases of MCO were implemented where encourage the use of internet in most of human activities in Malaysia.

Exhibit 1: Eight phases of MCO in Malaysia





Chart 1: Percentage of internet usage by individuals, Malaysia, 2015 - 2020

Internet usage can be described as any activities perform by individuals on the use of internet through various mediums that allow them to access the network from any location. In 2020, the use of internet among Malaysian aged 15 and above was increased significantly to 89.6 per cent (2019: 84.2%).



Source: ICT Use and Access by Individuals and Households Survey Report

The most popular internet activities in Malaysia is participating in social networks. However, during the pandemic the use of internet significantly increased for the services related to learning activities, e-Health, e-Government, e-Commerce and entertainment (Table 1). This paper will be focused on the pattern of selected internet activities, which were significantly increased (above 7.0 percentage points) in terms of characteristic of internet users by age group and gender. Those activities are ordering goods or services online; seeking health information; using internet banking; doing an informal online course; doing a formal online course; purchasing goods or services via e-Commerce; watching television online; and getting information from government organisations.

Table 1: Categories of Internet Activities, Malaysia, 2019 - 2020

Internet Activities	2019	2020
1. Access to Information		
<i>Finding information about goods/ services</i>	83.5	85.4
<i>Reading newspaper/ magazines online</i>	66.2	69.0
2. Professional		
<i>Applying for jobs</i>	20.9	21.4
<i>Participating in professional networks</i>	8.5	10.6
<i>Work from home</i>	11.0	16.1
3. Communication		
<i>Participating in social networks</i>	97.2	98.0
<i>Sending e-mail</i>	76.3	76.3
<i>Telephoning over the Internet</i>	77.5	81.2
<i>Uploading content to a website</i>	6.4	9.2
<i>Managing personal homepage</i>	3.5	5.4
<i>Managing blog</i>	2.6	4.1
<i>Accessing online discussion</i>	23.1	22.4
4. Other Online Services		
<i>Performing tasks to generate income</i>	3.3	8.3
<i>Using services related to travel/ accommodation</i>	27.5	31.6
<i>Selling goods/ services</i>	4.0	10.6
<i>Using Internet banking</i>	50.5	61.9
<i>Using software for editing texts</i>	20.1	26.3
<i>Downloading software/ applications</i>	77.0	78.4
<i>Ordering goods/ services online</i>	22.5	54.4
5. Learning Activities		
<i>Doing a formal online course</i>	8.1	18.0
<i>Consulting websites for formal learning purposes</i>	39.9	40.3
<i>Doing an informal online course</i>	9.5	20.8
6. Entertainment		
<i>Listening to radio online</i>	50.8	53.8
<i>Watching television online</i>	47.9	55.5
<i>Downloading images/ movie/ games</i>	84.7	87.9
7. Storage Space		
<i>Using storage space on the Internet</i>	52.5	53.5
8. e-Health		
<i>Seeking health information</i>	45.3	61.9
<i>Making a medical appointment</i>	4.5	10.7
9. e-Government		
<i>Getting information from government organisations</i>	45.6	52.9
<i>Interacting with government organisations</i>	39.4	35.2
10. Civic and Politics		
<i>Posting opinions/ voting</i>	17.3	23.5
11. e-Commerce		
<i>Purchasing goods/ services via e-Commerce</i>	35.2	45.0
<i>Selling goods/ services via e-Commerce</i>	2.0	5.9
12. Safety and Online Protection		
<i>Owning online security tools</i>	36.4	36.9

Source: ICT Use and Access by Individuals and Households Survey Report




Ordering Goods or Services Online

